

Headline	<b>AKEPT Memperkasa Kepimpinan IPT</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>06. Sep 2008</b>	Page No	<b>3a</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>595 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Supplement</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>	AdValue	<b>8385.68</b>



# AKEPT memperkasa kepimpinan IPT



AHMAD ZAINUDDIN



AKEPT bekerjasama dengan universiti dan institusi pendidikan terkemuka dunia untuk mencapai visi dan misinya.

**A**KADEMI Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) antara bahagian terbaru di Kementerian Pengajian Tinggi yang telah ditubuhkan pada Januari ini dan mula beroperasi pada Mac baru-baru ini.

Tidak sampai setahun jagung namun AKEPT telah membuktikan pentingnya akademi ini ditubuhkan sejak usaha kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dan kepimpinan tertinggi institusi pengajian tinggi (IPT) negara.

Menurut Pengarah AKEPT, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin penubuhan AKEPT adalah sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu untuk menambah baik kepimpinan, penyelidikan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Justeru AKEPT berperanan mempromosi kaedah, latihan dan penyelidikan latihan serta pengajaran yang inovatif di samping melaksanakan program-program kepimpinan universiti.

Tidak terkecuali AKEPT mempunyai peranan meningkatkan penyelidikan dan inovasi dalam usaha menambah baik kecekapan kepimpinan melalui penyelidikan dan inovasi dengan meningkatkan integrasi aktiviti penyelidikan di antara IPT.

Hal ini sejajar dengan strategi pengajian tinggi iaitu menggerakkan agenda pengantarabangsaan untuk diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan.

"Misi AKEPT ialah menentukan penambahbaikan kepimpinan melalui amalan terbaik, melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi," katanya.

Selain itu, ia berperanan melaksanakan penyelidikan dan inovasi dan menentukan semua usaha latihan dan P&P berdasarkan inovasi.

Menurut beliau, tujuan penubuhan AKEPT ialah untuk menyediakan program kepimpinan yang pragmatik dan relevan.

Ia bertujuan mencipta dan mengekalkan budaya penyelidikan yang berprestasi tinggi dan memfokus perluasan ilmu dan kefahaman kepimpinan dan keberkesanan organisasi.

"Kita mahu membangunkan satu kumpulan yang berbakat dalam mentadbir, mengurus dan meningkatkan kecemerlangan IPT di Malaysia dan dunia menjelang 2020," tegas beliau.

Latihan-latihan mahupun bengkel-bengkel yang dilaksanakan adalah hasil latihan dan analisis keperluan yang setara bagi Naib-naib Canselor, Timbalan-

Headline	AKEPT Memperkasa Kepimpinan IPT
Date	06. Sep 2008
Media Title	Utusan Malaysia

timbalan Naib Canselor, para dekan, pentadbir universiti, pensyarah, pendaftar dan pustakawan.

Jelas beliau, AKEPT mempunyai sasaran audiens yang besar iaitu 20 IPT Awam (IPTA) selain politeknik, kolej komuniti dan IPT Swasta (IPTS).

"Ini kumpulan tenaga yang besar oleh itu kita merancang skim latihan yang bersesuaian dengan semua peringkat selain akan mengadakan program pengesanan sama ada yang terlibat mendapat pendedahan sekukupnya," katanya.

Melatih kepimpinan universiti juga termasuk kumpulan Lembaga Pengaruh Universiti kerana mereka adalah kumpulan pakar yang menjadi tunjang pengurusan universiti.

Untuk itu, AKEPT akan mengadakan dari semasa ke semasa pertemuan kumpulan Lembaga Pengaruh Universiti dengan pakar-pakar dunia terutama mengenai maklumat baru tentang semua aspek kepimpinan dan amalan terbaik yang diamalkan contohnya dari Universiti Oxford dan Universiti Harvard serta 50 universiti terbaik dunia yang lain.

Namun begitu, AKEPT bukan sahaja terhad dengan latihan tetapi turut menentukan para pensyarah mendapat pendekahan P&P pada masa akan datang bagi memudahkan pelaksanaan P&P sekaligus melatih pensyarah lain.

"Dijangka tahun depan latihan akan ditingkatkan untuk melatih TOT dan mereka akan menjadi pakar rujuk di fakulti setiap universiti," katanya.

Justeru kegiatan melatih akan diam-bil alih oleh TOT dan setiap jurulatih akan diberi pentaulahan kepada pensyarah lain manakala AKEPT akan mengeluarkan sijil pengiktirafan P&P.

Sementara itu, berhubung penyelidikan, Dr. Ahmad berkata, bahan-bahan terbaru perlu diperbanyak dan telah diadakan pusat hanya untuk penyelidikan dan inovasi dalam aspek kepimpinan.

"Kita juga telah mengeluarkan geran penyelidikan dan tahun ini geran-geran ini telah diberi kepada sembilan kumpulan penyelidik daripada universiti tempatan," ujar beliau.

Mereka ialah Prof. Madya Dr. Ow Siew Hock dari Universiti Malaya (UM), Dr. Nik Maheran Nik Muhammad dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Dr Abu Daud Silong dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Prof. Madya Dr. Zaini Abdullah (UiTM).

Turut menerima geran ialah Dr. Lo May Chiun dari Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS), Prof. Madya Dr. Hong Kian Sam (UniMAS), Raja Suzana Raja Kasim (UiTM), Dr. Rozilini M. Fernandes-Chung dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Dr. Abdul Rahim Ahmad dari Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sepanjang penubuhan AKEPT, sebanyak 1600 pemimpin tertinggi IPT telah mengikuti 15 program anjurannya.

Antara program yang telah dianjurkan termasuklah *Leadership Seminar for Deans Faculty Excellence: Strategies and*

*Implications', Leadership Development for Higher Education Administrators, An Executive Education Programme on 'Governance and University Boards' for the Board of Directors and Vice Chancellors dan An Executive Leadership Programme on Best Practices in University Leadership for Deputy Vice Chancellors.*

Dua daripada program ini dianjurkan secara kerjasama dengan Harvard Club of Malaysia dan Charles River Centre.

Menurut Ahmad, sebelum penubuhan AKEPT program sedemikian hanya dianjurkan di universiti masing-masing dan terbelenggu dengan bajet yang minimum tetapi kini melalui AKEPT semua program diadakan secara makro.

"Bagaimanapun program yang diadakan di AKEPT tidak bertindan dengan apa yang telah dianjurkan oleh pihak universiti sebelum ini," jelas beliau.

Sehingga kini setiap program yang dianjurkan oleh AKEPT mendapat sambutan yang amat menggalakkan termasuk dari pihak PTS yang memperlihatkan kesungguhan dalam setiap perbincangan dan seminar.

Jelas beliau, walaupun menghadiri latihan dan program anjuran AKEPT bukan suatu kemestian tetapi warga IPT di negara ini digalakkan sejar dengan PSPTN dalam melatih dan membina modal insan.